



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

KPWKM AKAN TERUS PERKASA HAK KEWARGANEGARAAN AUTOMATIK UNTUK KANAK-KANAK

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memberi perhatian serius berhubung isu kewarganegaraan kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu warganegara Malaysia yang berkahwin dengan warga asing.

Keputusan Mahkamah Tinggi pada 9 September 2021, membenarkan kewarganegaraan diberikan secara automatik kepada kanak-kanak yang lahir di luar negara oleh ibu warganegara Malaysia yang berkahwin dengan warga asing, serta membatalkan tafsiran awal yang menetapkan kewarganegaraan kanak-kanak diberikan berasaskan status bapa warganegara Malaysia sahaja. Mahkamah juga memutuskan perkataan “bapa” dalam Jadual Kedua Perlembagaan mestilah bermaksud dan merangkumi ibu.

Saya menyambut baik keputusan itu, sejajar usaha kerajaan ke arah kesamarataan (*gender equality*) antara lelaki dan wanita, demi menjamin masa depan serta hak kanak-kanak untuk mendapatkan identiti diri. Keputusan berlandaskan semangat Keluarga Malaysia, selaras dengan polisi kerajaan bahawa tiada sesiapa yang tertinggal (*no one is left behind*).

Satu rayuan telah difailkan terhadap keputusan itu dan KPWKM telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan libat urus dengan Pesuruhjaya Kanak-Kanak SUHAKAM, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Family Frontiers dan beberapa individu untuk mendapatkan input agar kerajaan dapat membuat keputusan sewajarnya tanpa mengeneipkan hak wanita yang berkahwin dengan warga asing.

Sesi ini turut melibatkan Presiden Persatuan Kebajikan Sokongan Keluarga Selangor dan Kuala Lumpur (Family Frontiers) Puan Suriani Kempe, Pesuruhjaya Kanak-Kanak SUHAKAM, Profesor Datuk Noor Aziah Mohd Awal, Presiden Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), Datuk Munirah Abdul Hamid dan Pensyarah Perundangan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya, Dr. Farah Nini Dasuki.

Isu status kewarganegaraan anak-anak yang dilahirkan di luar negara sentiasa menjadi perhatian KPWKM. **Perkara 2 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of the Child (CRC)*)** turut menyatakan hak untuk tidak didiskriminasi, **Perkara 7 CRC** iaitu hak untuk mendapatkan kerakyatan, dan **Perkara 8 CRC** iaitu hak untuk mengekalkan identiti kanak-kanak termasuk kerakyatan.

Manakala di bawah **Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Artikel 9(2)** mengenai isu pemerolehan kewarganegaraan anak-anak yang dilahirkan oleh wanita warganegara Malaysia yang berkahwin dengan pasangan warganegara asing.

Pendirian KPWKM adalah supaya **prosedur dan syarat permohonan kewarganegaraan** bagi anak kepada wanita warganegara yang dilahirkan di luar negara, **perlulah sama** seperti anak kepada warganegara lelaki Malaysia yang dilahirkan di luar negara dengan pasangan bukan rakyat Malaysia.

Bagi jangka masa panjang, **pindaan terhadap Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan, berhubung Perkara 14** perlu dilakukan agar hak kerakyatan bagi anak wanita atau lelaki warganegara Malaysia adalah saksama. Perkara ini adalah selari dengan prinsip **kesaksamaan gender** dalam Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

KPWKM memberi jaminan tindakan segera akan diambil bagi memastikan prinsip asas ini diterjemahkan ke dalam prosedur sedia ada. Perbincangan berterusan akan diadakan bersama Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam mencari penyelesaian terbaik bagi memastikan hak kanak-kanak dilindungi, dijaga dan menjamin kesaksamaan undang-undang dan pentadbiran tanpa diskriminasi.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

15 September 2021